

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH [ KUBANG KERIAN ]**

**TARIKH : 1.4.2015**

**SOALAN :**

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah kos yang telah dibelanjakan oleh pihak Kementerian untuk bantuan dan pembangunan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di negeri Kelantan semenjak ia dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak tahun 2008 sehingga kini sebanyak 22 Sekolah Agama Negeri dan Sekolah Agama Rakyat di negeri Kelantan telah berdaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat dan menunaikan janjinya dalam meningkatkan prestasi serta kualiti pendidikan khususnya kepada sekolah yang telah berdaftar sebagai SABK. Di bidang pembangunan misalnya, KPM telah membelanjakan lebih kurang RM27,594,580.59 bagi 141 projek pembangunan di SABK seperti berikut:

- 
1. Dua (2) projek pembangunan seliaan Jabatan Kerja Raya;
  2. 45 Projek Rangsangan Khas Ekonomi (bangunan baru/tambahan);
  3. 72 projek baikpulih dan naiktaraf; dan
  4. 22 projek Pakej Baikpulih Sekolah PRK 2012.

Manakala di bidang perkhidmatan dan perolehan, KPM telah memberi bantuan seperti berikut;

1. Perkhidmatan Kawalan Keselamatan, Kebersihan Kawasan & Bangunan, dan Bekalan Makanan Asrama (BMA).
2. Perbekalan perabot bilik darjah, pejabat guru dan asrama murid.